



**TEKS UCAPAN KATA ALUAN
YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

SEMPENA

**MAJLIS PELUNCURAN
DASAR SOSIAL NEGARA 2030**

**TARIKH : 21 OKTOBER 2024 (ISNIN)
MASA : 1:00 TENGAH HARI
TEMPAT : DEWAN MERDEKA
ARAS 4, WORLD TRADE CENTRE
KUALA LUMPUR**

Kemaskini: 20 Okt 2024

Terima kasih Pengerusi Majlis.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam sejahtera dan Salam Malaysia Madani,**

(SALUTASI AKAN DISEDIAKAN)

1. Alhamdulillah, syukur kepada Allah S.W.T. kerana hari ini dapat kita bersama-sama di Majlis Peluncuran Dasar Sosial Negara (DSN) 2030. Bagi pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah kerana sudi meluangkan masa bagi majlis ini.

2. *Personally, I hold high admiration in regards to the unwavering commitment of our Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, as chairman of our Majlis Sosial Negara. His dedication and prioritisation of time to strengthen our social development agenda are truly commendable and inspiring. Under his leadership, we have witnessed significant strides in addressing key social issues, fostering a more inclusive and resilient society for all.*

3. Saya juga berterima kasih kepada semua para hadirin sekalian atas komitmen dan usaha untuk turut serta bersama-sama pada petang ini untuk menyaksikan Majlis Peluncuran DSN 2030. Kehadiran anda semua merupakan bukti semangat dan keprihatinan terhadap agenda pembangunan sosial negara kita. Sememangnya hari ini merupakan satu titik tolak ke arah meningkatkan kesejahteraan sosial kita.

KPWKM Menjunjung Agenda Sosial Negara

4. Menyadari akan kepentingan untuk meningkatkan kesejahteraan sosial, KPWKM bertindak sebagai nadi untuk agenda sosial negara dengan mengimplementasikan pelbagai inisiatif yang menitikberatkan kesejahteraan wanita, keluarga, kanak-kanak, masyarakat, warga emas dan Orang Kurang Upaya (OKU). Kita berusaha untuk membangunkan masyarakat yang inklusif, berdaya tahan, dan progresif melalui program-program yang dirancang rapi.

5. Antara langkah yang diambil termasuk memperkasa wanita dalam semua bidang kehidupan, memastikan kesaksamaan gender, dan menyediakan sokongan kepada keluarga serta komuniti yang memerlukan. Kita juga menumpukan usaha kepada pemerikasaan ekonomi wanita dengan menyediakan peluang latihan, pendidikan, dan akses kepada sumber kewangan.

6. Selain itu, kempen kesedaran dan advokasi untuk menangani isu-isu sosial seperti keganasan rumah tangga, penyalahgunaan dadah, dan pemerdagangan manusia juga dijalankan. Dengan kerjasama erat antara agensi kerajaan, sektor swasta, dan masyarakat sivil, kita terus berusaha untuk memastikan setiap individu mendapat peluang yang sama untuk mencapai kesejahteraan dan kemakmuran.

7. *KPWKM aims to create a future where every member of society thrives in a just and equitable environment in accordance with the Sustainable Development Goals (SDGs). Through continued collaboration and dedicated efforts, we are passionate in developing a comprehensive approach that not only looks at the economic part of the development but emphasizes the social welfare, equality, and sustainable growth of its people.*

8. Namun, untuk mencapai matlamat ini, KPWKM menyedari bahawa perkara ini bukanlah mudah dan kita perlu berganding bahu bersama-sama untuk mencapai sasaran ini. Dalam menangani isu-isu sosial, kerjasama ini adalah kunci untuk memastikan pendekatan yang holistik dan berkesan. Seperti yang dikatakan oleh Henry Ford, pengasas syarikat Ford Motor *"Coming together is a beginning, staying together is progress, and working together is success."*

Isu Sosial sebagai Agenda Utama Negara

9. Isu sosial kini menjadi perhatian utama negara kita. Setiap hari, kita berhadapan dengan pelbagai cabaran yang menguji keupayaan kita sebagai masyarakat yang prihatin dan berdaya tahan. Daripada isu kemiskinan dan ketidaksamaan, kepada masalah kesihatan mental dan perlindungan kanak-kanak, isu-isu ini menuntut tindakan segera dan berkesan.

10. Pembangunan ekonomi sahaja tidak mencukupi untuk memastikan kesejahteraan rakyat. Kita perlu memastikan bahawa setiap individu, tanpa mengira latar belakang, menikmati hak-hak asasi mereka dan mendapat peluang yang sama untuk berkembang maju. Oleh itu, kerajaan bersama dengan pelbagai agensi dan badan bukan kerajaan, giat melaksanakan program-program yang bertujuan untuk menangani isu-isu sosial ini.

11. Justeru, lebih daripada sekadar memastikan kebajikan masyarakat terpelihara, KPWKM juga memberi tumpuan kepada pembangunan sosial yang menyeluruh, termasuk meningkatkan kualiti hidup, memperkukuhkan institusi keluarga, dan menggalakkan pembangunan komuniti.

12. Melalui DSN 2030 sebagai dasar payung kepada dasar-dasar sosial yang lain, KPWKM berhasrat untuk membina masa depan yang lebih baik dengan mengutamakan nilai-nilai murni seperti berdaya tahan, progresif, bertanggungjawab, prihatin, beretika dan mempunyai jati diri yang utuh.

13. Maka, dengan perkara ini pembangunan dan kesejahteraan sosial mula menjadi agenda utama kerajaan dalam memastikan kita dapat membina masyarakat yang inklusif, adil, dan makmur, berteraskan nilai-nilai murni yang menjamin kesejahteraan dan keharmonian untuk semua rakyat.

14. Perjalanan menuju kemajuan sosial bukanlah usaha yang berseorangan, tetapi pergerakan kolektif ke arah masa depan yang lebih cerah. Setiap seorang daripada kita memegang sebahagian daripada teka-teki yang, apabila disatukan, membentuk gambaran kejayaan dan kesejahteraan yang lengkap. Bersama-samalah kita berusaha untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang sejahtera dan harmoni, di mana setiap rakyat menikmati kehidupan yang berkualiti.

Hadirin hadirat yang dimuliakan,

PENUTUP

15. Akhir kata, sekali lagi bagi pihak KPWKM, saya mengucapkan terima kasih atas sokongan Yang Amat Berhormat dan semua yang hadir pada hari dalam usaha DSN 2030 untuk membawa kita menuju mencapai matlamat Malaysia MADANI.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Walhidayah, Assalamualaikum Warah Matullahi
Wabarakatuh.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Haji Shukri
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat
21 Oktober 2024